

# 'Siasat firaun kecil cuba hapus hak Melayu, Islam'

## Pembangkok pertikai Perlembagaan Persekutuan patut kena ISA

Oleh Nazura Ngah  
nazura@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Badan bukan kerajaan (NGO) Melayu mendesak Kementerian Dalam Negeri (KDN) menyiasat dan mengambil tindakan terhadap kumpulan dalam pakatan pembangkang yang didakwa mahu menghapuskan dasar berhubung kedudukan agama Islam, Raja dan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sambil menyifatkan mereka sebagai pengkhianat, tindakan tegas termasuk menggunakan Akta Keselamatan dalam Negeri (ISA) perlu bagi memastikan tiada pihak yang berani menyentuh dan mempertikaikan hak keistimewaan yang termaktub dalam Artikel 152 dan 153 Perlembagaan Persekutuan.

Ketua Umum Barisan Bertindak Perpaduan Melayu, Osman Abu Bakar, berkata ia adalah tindakan kurang ajar yang boleh mengancam kedaulatan negara dan martabat agama Islam.

"Tidak wajar memperjudikan kerangka Perlembagaan

Persekutuan kerana ia melampaui amalan demokrasi berperlembagaan. Tindakan kurang ajar itu bukan saja menyentuh agama Islam dan orang Melayu, malah keselamatan negara.

"Jika tidak diatasi segera, tidak mustahil akan timbul huru hara dalam negara dan kita wajar berterima kasih kepada Zulkifli Noordin (Ahli Parlimen Kulim-Bandar Baharu)," katanya.

Semalam Zulkifli pada sidang medianya mendakwa pakatan pembangkang kini dikuasai 'firaun kecil' yang mempunyai agenda tersembunyi untuk menghapuskan dasar berhubung kedudukan agama Islam, Raja dan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Beliau mendakwa usaha sedang dilakukan oleh kumpulan itu untuk membunuh karakter' pemimpin dalam pakatan pembangkang termasuk beliau kerana cuba mempertahankan dasar berkenaan.

Presiden Teras Pengupayaan Melayu (Teras), Mohd Azmi Abdul Hamid, berkata dakwaan itu wajar dipandang serius dan disiasat, se-

kali gus membuktikan ada anasir jahat yang cuba mengganggu gugat ketenteraman negara.

Katanya, kerangka Perlembagaan tidak boleh diperjudikan kerana ia meletakkan asas penting untuk menjaga kedaulatan negara dan martabat Islam.

Katanya, mana-mana pihak yang cuba berbuat demikian wajar didedahkan dan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan negara bebas daripada ancaman.

"Tetapi, kenyataan Zulkifli adalah dakwaan dalaman parti yang tidak boleh hanya berasaskan cakap dengar, sebaliknya perlu dibuktikan supaya tidak berlaku budaya fitnah dan mengadu domba," katanya.

Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa), Datuk Ibrahim Ali, berkata pendedahan itu mengesahkan apa yang cuba dibuktikan Perkasa sebelum ini.

Beliau berkata, hanya kerajaan yang boleh bertindak menangani isu itu kerana mempunyai peruntukan undang-undang khusus dalam

usaha mengekang anasir yang boleh mengancam kestabilan negara pelbagai kaum dan agama.

"Semua pihak perlu sedar perkara asas dalam Perlembagaan tidak boleh disentuh, malah Parlimen tidak mempunyai kuasa membuat pindaan terhadap peruntukan berkenaan," katanya.

Ibrahim berkata, terserah pada kebijaksanaan Zulkifli untuk mendedahkan firaun kecil itu kerana ia adalah 'drama dan cerita' pakatan pembangkang.

"Apa yang penting, semua pihak terutama pihak berkuasa membuka mata terhadap kepincangan yang berlaku," katanya.

Sementara itu Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat, Dr Syed Husin Ali berkata pihaknya dijangka mengeluarkan kenyataan hari ini selepas Biro Politik parti bermesyuarat malam tadi.

Tanpa mahu mengulas lanjut, beliau berkata mesyuarat antara lain akan membincangkan kes ahli yang melanggar disiplin parti dan mendedahkan pembohongan pihak tertentu.

M/S 6